

# Sesi ramah mesra pengetua dan JAKMAS Ecopark berjalan lancar

VB 17.10.2019 15.  
**KOTA KINABALU:** Pengurusan dan Pentadbiran HEP serta JAKMAS Kediaman Ecopark meneruskan pengisian aktiviti pelajar semester ini dengan Sesi Ramah Mesra Pengetua dan Pengenalan JAKMAS Kediaman Ecopark Sesi 2019/2020.

Program ini dijalankan di Rumah JAKMAS, Kediaman Ecopark melibatkan penyertaan seramai 124 mahasiswa mahasiswi dari ke semua enam blok kediaman iaitu ketua rumah dan juga timbalan ketua rumah.

Menurut Yang Dipertua JAKMAS Kediaman Ecopark sesi 2019/2020 Liliana Leong Jia Lih, objektif utama program ini adalah untuk memperkenalkan mahasiswa mahasiswi Kediaman Ecopark akan barisan Pengurusan dan Pentadbiran HEP Kediaman Ecopark bagi sesi 2019/2020.

Ini penting dalam memastikan keterlihatan pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP dalam kalangan pelajar Kediaman Ecopark.

Keterlibatan pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP di dalam semua perkara termasuklah di dalam group WhatsApp pelajar, pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP yang sentiasa turun padang dalam semua aktiviti pelajar Kediaman Ecopark.

“Sesi ramah mesra ini



**TIKET BERTUAH:** Sesi cabutan bertuah yang disampaikan oleh Felo Kediaman Ecopark Elizabeth Martin.

akan memastikan pelajar akan lebih dekat dengan pihak pengurusan seterusnya mampu membentuk suasana dan komunikasi sihat di peringkat kolej kediaman,” katanya.

Secara amnya program ini melibatkan tiga sesi yang berbeza mengikut blok kediaman di mana di awal Sesi Ramah Mesra Bersama Pengetua Wijaya Kamal Ramlan memperkenalkan barisan Pengurusan dan Pentadbiran HEP Kediaman Ecopark bagi sesi 2019/2020.

Di samping itu, beliau juga turut berkongsi pengalaman pelajar di dalam pelbagai aktiviti pelajar termasuklah pencapaian yang diperolehi sepanjang sesi 2018/2019.

Sesi juga diteruskan den-

gan taklimat Peraturan Kolej Kediaman UMS kepada semua peserta yang hadir bagi memberi maklumat dan pemahaman akan tanggungjawab sebagai pelajar Kolej Kediaman.

Program ini diteruskan lagi dengan sesi Pengenalan JAKMAS Kediaman Ecopark sesi 2019/2020 di mana kesemua JAKMAS memperkenalkan diri masing-masing kepada peserta yang hadir.

Ini bagi memastikan keterlihatan mereka juga dalam kalangan pelajar Kediaman Ecopark di samping sentiasa proaktif dan menjadi jambatan penghubung di antara pihak pengurusan dan Pentadbiran HEP bersama dengan pelajar Kediaman Ecopark.

Di dalam sesi ini juga terdapat aktiviti cabutan bertuah dijalankan dan disampaikan oleh barisan felo Kediaman Ecopark sendiri kepada peserta yang bertuah pada malam berkenaan.

Menurut Pengetua Kediaman Ecopark Wijaya Kamal Ramlan, program atau sesi sebegini sangat penting khususnya dalam melahirkan mahasiswa mahasiswi yang bertanggungjawab dan cakna akan segala isu atau sistem yang ada di setiap Kolej Kediaman.

Melaluinya juga sebarang permasalahan yang dihadapi pelajar juga boleh dilihat secara lebih dekat oleh pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP dari masa ke masa, seterusnya dapat mewujudkan satu hubungan yang baik dalam kalangan semua pihak.

Selain itu, sesi soal jawab juga dijalankan di antara pihak Pengurusan dan Pentadbiran HEP Kediaman Ecopark bersama-sama dengan peserta khususnya di dalam melihat aspek kemudahan dan fasiliti Kediaman Ecopark.

Penerangan serta penjelasan diberikan berkenaan beberapa perkara berbangkit dan pihak pengetua juga akan meneliti beberapa keperluan tambahan yang dicadangkan di dalam sesi berkenaan.